

PENYAKIT TIBI

PENCEGAHAN

- Dapatkan suntikan BCG bagi
 - Bayi yang baru lahir
 - Murid sekolah : Darjah 1 (7 tahun) sekiranya tiada parut di lengan
- Dapatkan pemeriksaan segera sekiranya anda mengalami batuk berterusan lebih dari 2 minggu.
- Kontek, iaitu ahli keluarga atau individu yang rapat dengan pesakit Tiba hendaklah tampil membuat pemeriksaan.



NASIHAT AM

- Banyakkan cahaya matahari masuk ke dalam rumah kerana cahaya matahari boleh membunuh kuman Tiba.
- Pastikan rumah anda mendapat pengudaraan yang sempurna dengan membuka pintu dan tingkap.
- Amalkan cara hidup sihat dan makan makanan yang seimbang.

KEMUDAHAN MENGESAN DAN RAWATAN

Pemeriksaan kahak dan rawatan penyakit Tiba boleh diperolehi secara percuma di semua klinik dan hospital kerajaan.



Diterbitkan oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan dan Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Institut Perubatan Respiratori

KKM 06/06/100,000 (BM)

Penyakit TIBA

dapatkan
pengesanan
awal


PENYAKIT TIBI

APAKAH ITU PENYAKIT TIBI?

Tibi merupakan sejenis penyakit berjangkit merbahaya yang boleh membawa maut sekiranya tidak mendapat rawatan yang sempurna.

Penyakit ini disebabkan oleh kuman Tibi (*Tubercle Bacilli*) yang biasanya menjangkiti paru-paru. Ia juga boleh menyerang bahagian-bahagian lain badan seperti selaput otak, tulang, kelenjar, buah pinggang dan kulit.

- Otak
- Tulang
- Paru-paru
- Kelenjar
- Kulit
- Buah pinggang



TANDA & GEJALA PENYAKIT TIBI PARU-PARU

- Batuk berterusan lebih dari 2 minggu
- Kahak yang mengandungi darah
- Demam dan berpeluh lazimnya pada sebelah petang dan malam
- Susut berat badan dan hilang selera makan
- Sakit dada apabila batuk atau semasa menarik nafas panjang
- Mudah letih



CARA JANGKITAN

Kuman Tibi disebarkan melalui udara. Pesakit Tibi akan mengeluarkan kuman Tibi ke udara apabila batuk atau bersin. Setiap individu yang menyedut udara tercemar ini terdedah kepada jangkitan kuman Tibi.

CARA MENGESAN TIBI

Sekiranya anda mempunyai tanda dan gejala penyakit Tibi anda akan diminta:

- Melakukan pemeriksaan kahak dan/atau,
- Menjalani pemeriksaan x-ray di klinik kesihatan atau hospital terdekat



RAWATAN TIBI DOTS

DOTS (*Directly Observed Treatment-Shortcourse*) atau Pengawasan Rawatan Jangka Pendek Secara Terus merupakan strategi yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk merawat penyakit Tibi.

Prinsip-prinsip **DOTS** adalah:

- Pesakit perlu mengambil ubat selama 6 bulan.
- 2 bulan pertama pesakit diminta menelan setiap dos ubat setiap hari dengan disaksikan oleh anggota kesihatan yang terlatih.
- Pada peringkat sambungan selama 4 bulan pesakit perlu mengambil ubat 2 kali seminggu di bawah penyeliaan seseorang yang dilantik.



Dengan rawatan yang sempurna pesakit boleh sembuh sepenuhnya